

XPDC Jelajah Borneo eratkan Pengakap Labuan dan Pengakap Kinabatangan

LABUAN: Krew Pengakap Kelana 'A' Daerah Kinabatangan menganjurkan XPDC Jelajah Borneo pada 29-31 Disember yang lalu dan antara destinasi persinggahan mereka adalah di Wilayah Persekutuan Labuan.

Rombongan ekspedisi ini yang disertai seramai 18 ahli pengakap mewakili dua kumpulan iaitu Krew Kelana 'A' Kinabatangan (Arkana Rovers) serta Kumpulan Pengakap Terbuka Daerah Kinabatangan (Kumpulan 35) tiba di pulau bebas cukai itu pada 29 Disember lalu.

Rombongan itu disambut oleh Penolong Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negeri Skip Angela Joseph dan Penolong Pesuruhjaya Pengakap Daerah Zon Satu Skip Eng Keng Seng mewakili Pengakap Labuan.

Antara objektif ekspedisi ini adalah membina kekuatan dan jati diri ahli pengakap

untuk menghadapi cabaran di luar keselesaan masing-masing, mengasah kemahiran navigasi ahli pengakap serta menjalinkan persaudaraan bersama kumpulan pengakap yang dilawati.

Rombongan berkenaan bermalam di Desa Tunas Hijau, Kampung Sungai Pagar.

Mereka turut mengunjungi Taman Burung Labuan dan Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan bagi memenuhi tugas melawat lokasi signifikan kawasan yang dijelajahi.

Rombongan ekspedisi meninggalkan Labuan pada hari yang sama menuju ke Kota Kinabalu.

Eric berkata pengakap Labuan amat mengalu-alukan kunjungan yang dibuat dari mana-mana kumpulan pengakap dari dalam mahupun luar negara.

"Program seumpama ini

juga mampu mempromosikan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai destinasi pelancongan yang unggul di rantau ini sekali gus membantu menjana ekonomi tempatan," katanya.

Beliau tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada pemilik Desa Tunas Hijau, Kampung Sungai Pagar Dato' Sri Haji Mohd Alias Abdul Rahman kerana membenarkan rombongan Pengakap Kinabatangan menginap di Desa Tunas Hijau yang merupakan destinasi yang semakin popular di Wilayah Persekutuan Labuan.

"Terima kasih juga kepada Pengakap Kinabatangan kerana memilih Labuan sebagai destinasi persinggahan mereka sekali gus membolehkan mereka menyaksikan sendiri pembangunan pesat Labuan yang diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan pada 16 April 1984," katanya.



KENANGAN: Eric (lapan kiri) bersama rombongan Pengakap Kinabatangan bergambar kenangan di Taman Burung Labuan sempena XPDC Jelajah Borneo pada 29-31 Disember 2019.